

25/06/2003

Chan dilantik Menteri Pengangkutan

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Timbalan Menteri Kewangan Kedua yang juga Timbalan Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy dilantik sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang meletak jawatan, 28 Mei lalu.

Penyusunan semula Kabinet yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini semalam, juga menampilkan dua muka baru, iaitu Ahli Parlimen Arau, Datuk Mastika Junaidah Husin, 49 dan Ahli Parlimen Ipoh Barat, Datuk Ho Cheong Sing.

Ketua Wanita Umno Perlis itu dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, iaitu jawatan yang baru diwujudkan manakala Ho - ahli Jawatankuasa Pusat MCA, pula selaku Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Perdana Menteri turut menaikkan pangkat dua Setiausaha Parlimen menjadi

Timbalan Menteri manakala tiga Timbalan Menteri bertukar portfolio.

Datuk Fu Ah Kiow yang sebelum ini Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dilantik sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Donald Lim Siang Chai menjadi Timbalan Menteri Penerangan.

Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen pula berpindah ke Kementerian Kewangan menggantikan Chan. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk M Kayveas kini Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, bertukar portfolio sebagai Timbalan Menteri Pengangkutan.

Bagaimanapun, jawatan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dibiarkan kosong.

Bercakap kepada pemberita selepas pengumuman itu, Dr Mahathir berkata, pelantikan itu berkuat kuasa hari ini setelah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

"Mereka akan memulakan tugas serta-merta. Bermula esok (hari ini), kedudukan dalam Kabinet akan berubah. Dr Ling sebagai Presiden MCA duduk di kiri saya dan Datuk Seri Abdullah (Ahmad Badawi) di kanan saya. Kini Datuk (Seri) Ong Ka Ting ambil tempat Dr Ling," katanya.

Pengumuman itu mengakhiri teka-teki rombakan Kabinet yang dinantikan sejak peletakan jawatan Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan dan

Presiden MCA bulan lalu.

Berikutan peletakan jawatan Dr Ling, Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dilantik sebagai Presiden MCA dan memangku jawatan Menteri Pengangkutan.

Dr Mahathir berkata, pelantikan Chan dibuat berdasarkan penilaiannya terhadap keupayaan dan pengalamannya yang luas.

"Saya berharap mereka (yang dilantik) memberi khidmat terbaik. Mereka

harus ingat mereka juga ahli Barisan Nasional (BN) selain menjadi ahli parti masing-masing.

"Sebagai sebahagian kerajaan, mereka perlu mematuhi polisi kerajaan dan tidak membuat polisi sendiri atau mengumumkan perkara yang belum diputuskan Kabinet," katanya.

Mengenai kedudukan beberapa pemimpin MCA dalam Kabinet, Perdana Menteri berkata, tiada perubahan membabitkan Ong, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Ditanya sama ada pelantikan itu akan menamatkan krisis dalam MCA, beliau berkata ia tiada kaitan dengan masalah dalaman parti itu.

"Saya anggap tiada krisis dalam MCA. Kita tak membezakan sesiapa. Kita mengiktiraf MCA. Kita tak mengiktiraf Team A, Team B, Team C dan Team D serta semua itu," katanya.

Mengenai pelantikan seorang wanita ke jawatan Timbalan Menteri Kewangan Kedua, Dr Mahathir berkata, keputusan kerajaan dalam pelantikan ke jawatan penting dibuat berdasarkan keupayaan dan bukan jantina.

"Jika mereka menunjukkan prestasi baik, mereka layak (diberi jawatan). Ramai pegawai kanan di Kementerian Kewangan adalah wanita. Jika mereka mampu. Kita bukan gender bias," katanya.